

MOHAN Rathakrishnan
Universiti Utara Malaysia

**PENGIJARAHAAN BURUH INDIA KE PULAU PINANG:
KAJIAN MENGENAI CORAK MIGRASI DAN PENGARUH
SOSIO-EKONOMI SEBELUM TAHUN 1930**

**INDIAN LABOUR MIGRATION TO PENANG:
STUDY ON THE PATTERNS OF MIGRATION AND
SOCIO-ECONOMIC IMPACT BEFORE THE YEAR 1930**

Kedatangan buruh India ke Pulau Pinang berlaku dengan pesat semasa penjajahan British. Ramai buruh India telah dibawa masuk menjelang 1820-an. Krisis ekonomi dan sosial di India mempengaruhi demografi Pulau Pinang berikutan kedatangan buruh India menjelang abad ke 19. Pulau Pinang merupakan Negeri Selat yang terpenting sebagai sebuah pelabuhan terkenal di rantau Asia Tenggara. Tenaga kerja dari India digunakan oleh British untuk majukan sektor perladangan getah, kelapa dan pengangkutan. Terdapat pelbagai aspek yang mempengaruhi cara hidup buruh India seperti politik, kebudayaan, kepercayaan, ekonomi dan sosial. Walau bagaimanapun objektif kajian ini adalah melihat corak migrasi buruh India selepas pembukaan Pulau Pinang dan bagaimana pengaruh sosial seperti sistem kasta, kegiatan ekonomi seperti buruh perladangan di sektor perladangan yang diamalkan di India terhadap cara hidup buruh India di Pulau Pinang. Selain masalah kasta, kajian ini turut menjelaskan ketidakadilan zaminder terhadap buruh India di ladang. Sumber rujukan bagi artikel ini terdiri daripada sumber lisan, dokumen rasmi, manuskrip dan buku tulisan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sebelum tahun 1930, pengaruh sosial(sistem kasta) dan amalan pekerjaan di India masih mempunyai pengaruh besar terhadap buruh India yang bekerja di Pulau Pinang. Skop bagi kajian ini meliputi pengaruh sosial iaitu sistem kasta dan ekonomi serta corak migrasi buruh India yang melibatkan agen-agen pekerja di bawah sistem “indenture” dan kangani. Kesimpulannya, artikel ini menjelaskan ketebalan pengaruh sosial dan ekonomi dari India terhadap buruh India di Pulau Pinang sebelum tahun 1930.

Kata kunci: *Buruh India, Krisis ekonomi, Sistem Kasta, Sistem “Indenture” dan Kangani*

The arrival of Indian laborers to Penang occurs rapidly during the British occupation. Many Indian workers were brought in by

1820s. The economic and social crisis in India have affected the demographics of Penang following the arrival of Indian labor in 19th century. Penang as Straits Settlements state was a well-known port in Southeast Asia. Labor from India was used by the British to develop the plantations of rubber, oil and transportation. There are various aspects that affect the lifestyle of Indian labor, such as politics, cultural belief, economic and social. However, this study focuses on the inclusion of Indian labor and migration patterns after the opening of Penang and social influences such as the caste system, economic activities such as plantation workers in the plantation sector which is practiced in India for Indian workers living in Penang. In addition to the caste problem, this study also explained injustice zamindar against the Indian labor. Reference for this article consists of oral sources, documents, manuscript and books. The findings of this study show that before 1930, the influence of social (caste system) and employment practices in India still has an influence on Indian workers in Penang. The scope of this study includes the social impact of the caste system and the economy as well as Indian labor migration patterns involving agents working under the system of "indenture" and "kangani". In conclusion, this article describes the social and economic impact from India against Indian in Penang before 1930.

Keywords: *India Labour, Economic Crisis, Caste System, "Indenture" and "Kangani"*

Pengenalan

Tidak ada satu tarikh yang tepat untuk membuktikan bila orang India datang ke Pulau Pinang sebelum kolonial British di pulau ini. Walau bagaimanapun, orang India dipercayai telah datang ke Pulau Pinang semasa perkembangan agama Hindu –Buddha di rantau Asia –Tenggara sebelum abad ke 7. Pada ketika itu, pulau ini dikenali sebagai *Pulau Ke Satu*.¹ Pulau ini berkembang dengan pesat dari segi ekonomi semasa perkembangan agama Hindu- Buddha. Ramai sami Hindu-Buddha dan pedagang India menyebarkan agama Hindu-Buddha kepada raja-raja di Negeri –negeri Utara Melayu. Kesan kedatangan orang India dapat dilihat dari segi perdagangan, pengamalan bahasa Sanskrit dan pengaruh budaya serta monumen dewa-dewi agama Hindu di bawah pengaruh 'Indianisasi'². Perhubungan orang tempatan dengan orang India mempengaruhi cara hidup penduduk tersebut dengan cara hidup orang India seperti sembahyang dewa-dewi dan dari segi makanan serta amalan budaya. Budaya orang India menyerap masuk ke dalam sosial penduduk tempatan apabila ramai pedagang India berdagang di Pulau Pinang. Pulau Pinang pada ketika itu berada di bawah penguasaan Sultan Kedah iaitu Sultan

Mahmud.³

Semasa pemerintahan British ke Pulau Pinang, ramai buruh India dibawa masuk ke Pulau Pinang di bawah sistem indenture dan kangani. Kemasukan buruh dari India sebelum tahun 1930 mempunyai impak besar terhadap sosial dan ekonomi buruh tersebut di Pulau Pinang. Buruh dari India digunakan oleh British untuk memajukan sektor perladangan getah, kelapa dan pengangkutan. Walaupun terdapat pelbagai aspek yang mempengaruhi cara hidup buruh India seperti politik, kebudayaan, kepercayaan, ekonomi dan sosial namun kajian ini memberikan tumpuan kepada kemasukan buruh India dan corak migrasi selepas pembukaan Pulau Pinang. Buruh India yang bekerja di Pulau Pinang semasa pentadbiran British menunjukkan terdapatnya pengaruh sosial seperti sistem kasta, penglibatan dalam kegiatan ekonomi sebagai buruh perladangan di sektor perladangan adalah sama seperti yang dilakukan di India. Sistem kasta dari India telah menjadikan buruh India di Pulau Pinang dibahagikan kepada beberapa kategori. Adakah amalan ini masih menjadi masalah kepada buruh India di Pulau Pinang? Adakah masalah ekonomi mempengaruhi corak hidup buruh India di Pulau Pinang? Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui sejauhmana pengaruh kasta ke atas buruh India di Pulau Pinang dan kesan ekonomi ke atas corak hidup mereka. Kajian ini turut menjelaskan ketidakadilan zaminder terhadap buruh India di ladang.

Kemasukan Pedagang India Sebelum Pembukaan Pulau Pinang

Sebelum pembukaan Pulau Pinang oleh pihak British, terdapat dua ratus orang penghuni di pulau ini yang hidup mencari nafkah dengan menangkap ikan dan mencari damar di hutan. Sumber hutan seperti kapur barus, kayu wangi, damar dan rotan menjadi barangan perniagaan penting kepada pedagang dari India, China dan Aceh.⁴ Pedagang India menjalankan perniagaan mereka di kawasan Teluk Jelutung (sekarang dikenali Kampung Pulau Jalan Perak) dan Kampung Rauna (sekarang dikenali Jalan Gaunter Hall).

*“...orang Aceh telah terlebih dahulu datang ke Pulau Pinang dan menjalankan perdagangan dengan pedagang India di situ jika dibandingkan dengan kedatangan Francis Light dapat mengukuhkan lagi pendapat bahawa orang India telah datang ke Pulau Pinang lebih awal daripada orang British. Mereka menjalankan perdagangan, menjual dan membeli di kawasan Teluk Jelutung dan kampung Rauna dan selepas itu mereka akan balik ke negara masing-masing...”.*⁵

Perkembangan ekonomi yang baik menyebabkan bilangan kemasukan pedagang India ke Pulau Pinang semakin bertambah dan mula menetap di pulau tersebut dan Kuala Kedah. Pada awal abad ke-15, Pulau Pinang hanya merupakan sebuah kampung terpencil dan diliputi hutan. Berdasarkan kajian

Ravichandran Moorthy (2009), kedatangan pedagang India ke kepulauan di rantau ini berlaku lebih awal sebelum kedatangan Parameswara dan terdapat pedagang India berkahwin dengan penduduk tempatan dan menyebarkan agama Hindu.

“...Even before the inception of the Malacca sultanate by Parameswara (a Hindu prince from Palembang, Sumatra) in 1401, spice traders (largely Hindus) from India had already visited... As a result, inter-marriages between the Hindu traders and the Malays, Chinese, Javanese and Bataks became more frequent and gave birth to a hybrid community...”⁶

Selepas 1511, bilangan orang India yang datang ke Pulau Pinang berkurangan apabila Kuala Kedah dan Kuala Perlis sering diserang oleh tentera Portugis dan barang perdagangan India di Pulau Pinang atau Kuala Kedah dirampas dengan bantuan Siam.⁷ Oleh itu, bagi mengelak barang perdagangan dirampas, pedagang India mencari tempat lain yang lebih selamat untuk berniaga. Ramai pedagang India mendapati Aceh lebih selamat dan mula berniaga di sana. Selepas kekalahan Portugis pada tahun 1641, Sultan Rijalu'd-din Muhamad Shah, (Sultan Kedah) yang ditabalkan pada tahun 1642 menjalankan perniagaan dengan Syarikat India Timur Belanda. Baginda mengurangkan hubungan perdagangan dengan pedagang India dengan tanggapan bahawa kuasa Belanda adalah kuat dan dapat melindungi Negeri Kedah dari serangan Siam sekiranya perdagangan diadakan dengan pedagang Belanda.⁸ Walau bagaimanapun apabila Negeri Kedah diserang oleh Siam, pihak Belanda tidak memberi sokongan penuh kepada Sultan Kedah. Hal ini menyebabkan Raja Kedah hilang kepercayaan terhadap pihak Belanda. Perdagangan di Kedah merosot kerana pedagang dari India dan China bimbang untuk berdagang disebabkan faktor keselamatan. Pedagang India pula mencari tempat perdagangan lain lebih selamat menyebabkan bilangan pedagang India ke negeri Kedah semakin berkurangan.⁹

Pembukaan Pulau Pinang oleh British

Selepas Francis Light membuka Pulau Pinang pada tahun 1786, ramai supai India (tentera India) dihantar ke Pulau Pinang untuk membantu Francis Light untuk melindungi pulau tersebut daripada serangan orang Kedah.¹⁰ Perhubungan awal orang India dengan Pulau Pinang selepas penjajahan British bukan sahaja dapat dilihat dengan kemasukan supai, buruh perladangan dan pedagang malah ada juga orang India dibawa masuk ke Pulau Pinang sebagai banduan. Pada awal abad ke-19, sekumpulan orang India yang terdiri daripada banduan yang dihukum dan dipenjarakan di India dibawa masuk ke Pulau Pinang.¹¹

Britain merancang untuk menjadikan Bangkahulu sebagai pusat penempatan banduan dari India semasa Bangkahulu berada di bawah pemerintahan British. Malangnya, sebelum perancangan ini dapat dilaksanakan, Bangkahulu terpaksa diserahkan kepada pihak Belanda. Oleh itu, Britain terpaksa menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat tahanan banduan dari India.¹² Di samping banduan ini menjalankan hukuman penjara, pihak British menjadikan banduan India sebagai buruh murahan bagi membina jalan raya, membina landasan keretapi dan membersihkan paya di sekitar Seberang Prai dan Pulau Pinang. Pada tahun 1860 sahaja, terdapat seramai 4,063 orang banduan yang menjadi buruh murahan.¹³ Tindakan Britain memperguna banduan untuk kepentingan British dikecam bukan sahaja oleh orang tempatan tetapi juga oleh orang British di Pulau Pinang kerana bimbang keselamatan penduduk Pulau Pinang akan terancam sekiranya banduan ini terlepas lari. Akhirnya selepas 1860, penggunaan banduan sebagai buruh murahan untuk membuat kerja sosial diharamkan. Menjelang tahun 1873, ramai banduan dari India dihantar pulang ke India.¹⁴ Walau bagaimanapun, sebahagian daripada banduan India ini dijadikan buruh perladangan di bawah kawalan pegawai penguatkuasa British. Tuan tanah berbangsa British di Pulau Pinang juga mendesak kerajaan British membawa masuk lebih ramai buruh India untuk bekerja di ladang di Seberang Perai dan Pulau Pinang. Hal ini menunjukkan bahawa keperluan buruh India untuk bekerja di ladang amat diperlukan dan dalam jumlah yang banyak. Keperluan buruh India mendorong tuan tanah meminta kangani untuk membawa masuk lebih ramai buruh India murah untuk bekerja di ladang. Ramai buruh India mula berhijrah ke Pulau Pinang disebabkan masalah ekonomi dan sosial yang berlaku di India di samping tawaran pekerjaan di situ.¹⁵

Kemasukan Buruh India ke Pulau Pinang Selepas 1820

Kebanyakan buruh India yang datang ke Pulau Pinang selepas tahun 1820 adalah dari India Selatan.¹⁶ Mereka terdiri daripada etnik seperti Tamil, Telugu, Malayali, dan beberapa suku lain yang dibahagikan mengikut daerah manakala bagi sektor perniagaan, lebih kurang 60% orang India adalah dari India Utara misalnya Sidhi, Gujeratis, Punjabi, Chetti dan Uttar Pradesh.¹⁷ Kedatangan buruh India dari India Selatan adalah lebih tinggi berbanding buruh India Utara kerana terdapatnya galakkan daripada kerajaan India untuk membenarkan buruh India dari Selatan India untuk bekerja di bawah kangani.¹⁸ Pada awalnya, pihak British menghadapi masalah untuk mendapatkan bilangan buruh India yang mencukupi untuk bekerja di ladang kelapa dan tebu di Seberang Perai. Buruh India yang tinggal di kawasan pedalaman di India tidak faham Bahasa Inggeris. Masalah bahasa dalam kalangan buruh India mendorong British menggunakan bantuan tuan-tanah atau zaminder di kampung pedalaman. Zaminder menggunakan bantuan agensi pekerja yang dikenali Kangani untuk

mendapatkan pekerja dengan janji manis mengenai gaji dan tempat tinggal. Agensi kangani membantu kerajaan British mencari bilangan pekerja yang mencukupi di kawasan pedalaman di India dan menghantar buruh tersebut melalui dua pelabuhan utama iaitu Nagapatnam dan Madras.¹⁹ Kangani sentiasa memerhati (kan-ga-ni) keadaan buruh dan pendapatan yang diberikan kepada mereka.

Di India, pelabuhan Nagapatnam dan Madras merupakan pelabuhan yang sangat terkenal dan sibuk. Pelabuhan ini menjadi jalan perhubungan terus dengan pelabuhan di Pulau Pinang. British menganggap kedua-dua pelabuhan tersebut memudahkan pemindahan buruh dan memberi kesempatan kepada majikan di Pulau Pinang untuk mendapatkan pekerja bagi sektor perladangan. Di Utara India, pelabuhan Calcutta, Vizagapatnam dan Bombay merupakan pelabuhan yang terkenal. Pelabuhan ini juga mempunyai rangkaian perhubungan dengan Pulau Pinang untuk tujuan perdagangan tetapi disebabkan jarak yang jauh dan bayaran yang tinggi perlu ditanggung oleh majikan maka kebanyakan buruh yang diambil untuk bekerja di perladangan adalah dari India Selatan.²⁰

Pada awal abad ke 20, permintaan terhadap tenaga buruh India semakin meningkat akibat perkembangan perusahaan getah dan sistem pengangkutan seperti jalan raya dan landasan kereta api di Pulau Pinang. Pengusaha ladang tebu dan kelapa memerlukan jalan perhubungan yang baik untuk membawa produk pengeluaran dengan cepat dan mudah. Buruh Cina tidak berminat dalam kerja pembinaan jalan raya kerana gaji rendah.²¹ Oleh sebab itu, untuk memudahkan pembinaan jalan raya, British mengambil buruh India perladangan murah untuk bekerja di sektor pembinaan. Keperluan untuk sektor perladangan dan pengangkutan ini mendorong pihak British dan peladang Eropah untuk membawa masuk lebih ramai buruh India yang murah ke Pulau Pinang dan Seberang Prai untuk bekerja.²² Malah Sir Frederick Weld, Gabenor Negeri-negeri Selat berpendapat bahawa buruh India lebih senang dikawal berbanding dengan buruh Cina dan memudahkan pengusaha untuk menjalankan perladangan. Selain itu, pengalaman buruh India bekerja di ladang di Sri Langka dengan baik mendorong pihak British membawa masuk buruh India ke Tanah Melayu, terutama ke ladang kelapa dan getah di Seberang Prai. Oleh itu, pihak British menumpukan perhatian terhadap buruh India yang mudah dikawal dan mengikut arahan.²³

R. Bonney (1974) membincangkan bahawa masalah sosial di India menyebabkan ramai buruh India berhijrah ke Pulau Pinang selepas tahun 1820.²⁴ Masalah sosial ini meliputi status sosial, kasta, kesihatan dan pendidikan. Bilangan buruh India yang datang pada tahun 1900an adalah ramai. Walaupun tidak ada satu catatan yang nyata mengenai bilangan dalam angka tetapi dari peratus kedatangan buruh India jelas menunjukkan bilangan buruh India yang masuk ke Pulau Pinang adalah tinggi. Jadual 1 menunjukkan peratus penduduk India di Pulau menjelang tahun 1900. Penghijrahan orang

India ke Pulau Pinang melibatkan pedagang, buruh kasar, petani dan nelayan. Oleh kerana pelabuhan untuk penghijrahan buruh India lebih dekat dengan Pulau Pinang berbanding Singapura, ramai buruh India menjadikan Pulau Pinang sebagai tempat tumpuan utama untuk bekerja.

**JADUAL 1 : PERATUS BURUH INDIA DI PULAU PINANG
[1900- 1931]**

NEGERI	1901	1911	1921	1931
PULAU PINANG	31.8	17.1	10.8	9.0

Sumber : Del Tufo ²⁵

Jadual di atas menunjukkan bilangan buruh India yang masuk ke Pulau Pinang pada tahun 1901 adalah seramai 31%. Kebanyakan buruh India mengambil kesempatan untuk bekerja di Pulau Pinang tanpa memikirkan risiko yang bakal dihadapi sepanjang tempoh pekerjaan di ladang. Mereka sebenarnya mengambil kesempatan untuk bekerja apabila terdapat insentif dan kemudahan keperluan harian ditawarkan oleh kangani melalui pihak British untuk menarik masuk lebih ramai buruh untuk bekerja di ladang. Pada tahun 1911, buruh India Tamil, Telugu dan Malayali mengalami konflik perkauman dan kasta secara kronik di India. Mereka merasa diri mereka lebih selamat jika bekerja dengan pihak British di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, jumlah kemasukan buruh India ke Pulau Pinang semakin berkurangan menjelang tahun 1931 iaitu hanya 9.0%. Kekurangan ini adalah berpunca daripada campurtangan kerajaan India menjelang tahun 1930-an kerana berlakunya penindasan terhadap buruh India. Kebajikan buruh India di ladang tidak diberi perhatian. Ramai buruh India jatuh sakit dan mati akibat kekurangan ubat dan pemeriksaan. Doktor perubatan hanya datang dua minggu sekali. Di ladang tempat buruh India bekerja juga tidak mempunyai sekolah khas untuk kanak-kanak. Sekolah yang dibina adalah kecil dan pembelajaran dilakukan tanpa mengira peringkat umur. Gaji yang dibayar kepada buruh juga adalah rendah dan tidak sepadan dengan perbelanjaan diri dan keluarga. Kemasukan buruh India yang kurang pada 1931 tidak merugikan British kerana harga kemasukan buruh India adalah rendah.

“...the labour found that they had no say in the choice of their employer; they have to pay cost of the passager; RS 16 annas. The cheap labor cover the expanses on arrival to Penang..” ²⁶

Corak Migrasi Buruh India Ke Pulau Pinang

Sistem Indenture

Kedatangan buruh India ke Pulau Pinang pada awalnya adalah mengikut sistem “indenture”. Buruh India yang mempunyai pengalaman bekerja di Ceylon tidak menganggap sistem “indenture” sebagai satu sistem yang membebankan mereka. Malahan, mereka menganggap sistem indenture’ sebagai satu proses penghapusan penghambaan di India seperti mana yang dirancang oleh pihak British. Agen persendirian atau majikan menawarkan pekerjaan di beberapa tempat di India. Agen tersebut akan menghantar wakil-wakil mereka ke kampung dan menawarkan peluang pekerjaan di kampung-kampung dalam kawasan pedalaman.

Wakil-wakil agen mencari seberapa banyak pekerja yang boleh dengan bayaran komisyen berdasarkan jumlah buruh yang kumpulkan. Ramai buruh dari kampung di Daerah Tanjore, Trihinopoli, Madras dan Coimbatore mengambil peluang ini untuk bekerja. Buruh yang ingin bekerja akan menandatangani perjanjian bahawa mereka akan berkhidmat dengan majikan dalam tempoh satu hingga 3 tahun dengan bayaran gaji sebanyak 9 hingga 13 sen sehari , pembayaran gaji tidak berubah dan tidak ada masalah kesihatan.²⁷

Bayaran untuk perjalanan buruh India ke Tanah Melayu ditanggung oleh majikan kerana buruh India tidak mampu untuk membayar perbelanjaan perjalanan tersebut kerana kemiskinan.

...“The larger employers sent over their agents to India to engage and advance money to persons willing to emigrate but too poor to pay the cost of the passage themselves...”²⁸

Jadual 3 : Kemasukan Orang India Ke Pulau Pinang Melalui Sistem Indenture

Tahun	Jumlah Orang India Datang Ke Pulau Pinang Melalui Sistem Indenture (Orang)
1883	1, 452
1884	1, 539
1885	1,642
1900	3,078

Sumber : Straits Settlement Labour Commission Report 1890 , bahagian 281, Lihat juga R.N. Jackson ²⁹

Buruh Tamil dan Telegu dibawa bekerja di ladang komersial di Seberang Prai Tengah dan Selatan melalui pelabuhan Weld Quay di Pulau Pinang.³⁰ Mereka bekerja di ladang kelapa dan getah walaupun dibayar upah rendah. Sikap buruh India sedemikian disebabkan oleh dua faktor iaitu yamas dan niyamas. Yamas adalah sikap yang berkaitan dengan naluri dan rohani manakala niyamas pula menekankan aspek kepercayaan terhadap agama Hindu iaitu kebajikan dan takdir membawa kebaikan pada masa depan³¹. Walaupun hidup dalam kemiskinan dan penghinaan (dari aspek kasta) namun buruh India yang beragama Hindu berpegang teguh dengan agama Hindu dan mengamalkannya di mana sahaja mereka tinggal. Faktor ini memudahkan pengusaha British untuk mengawal buruh India dan memaksa mereka bekerja keras. Malah pengusaha British juga mengabaikan soal kebajikan buruh India dari makanan dan kesihatan.

Bagi mengatasi masalah penindasan dalam sistem “indenture”, kerajaan India telah menggubal Akta 1900 untuk menamatkan semua bentuk sistem kontrak yang membawa buruh ke luar negara untuk mengelak majikan di ladang-ladang menindas pekerja dengan membayar gaji rendah, bekerja lebih masa, tidak menyediakan tempat tinggal yang sesuai dan kemudahan kesihatan. Akta larangan digubal bagi mengurangkan jumlah buruh yang dibawa ke Pulau Pinang. Tindakan kerajaan India menyebabkan kemasukan buruh secara ‘indenture’ menjadi mahal dan tidak memuaskan hati majikan terutama yang mengambil buruh untuk bekerja di ladang gula di Seberang Perai.³²

Kerajaan India mendapati buruh India yang dibawa masuk secara ‘indenture’ adalah tidak praktikal dan membawa banyak kemudaratan kerana sistem tersebut dikuasai penuh oleh majikan yang mengutamakan keuntungan. Sistem ini dianggap sebagai pro-penghambaan dan penghinaan terhadap buruh India di luar negara.³³

Bantahan berterusan daripada golongan aktivis negara India yang menekankan persoalan moral dan kemanusiaan terhadap tindakan majikan, yang juga dianggap sebagai penghinaan terhadap negara India telah mendorong kerajaan India mengarahkan Negeri-negeri Selat untuk menggharamkan sistem ‘indenture’ pada tahun 1910.³⁴

Sistem Kangani

Pengambilan buruh India di bawah sistem kangani adalah lebih mudah kerana syarat yang dikenakan tidak ketat iaitu tempoh pekerjaan dan gaji yang dibayar adalah lebih baik berbanding sistem indenture. Kangani merupakan ketua atau tandil yang diberi kepercayaan oleh majikan untuk menyelia buruh pekerja di ladang-ladang. Seseorang buruh India dibenarkan meninggalkan majikan selepas memberi notis satu bulan jika buruh merasa tidak puas hati dengan layanan pihak majikan.

Pada tahun 1906, Residen British telah memberi lesen merekrut buruh kepada kangani. Lesen ini dikeluarkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Imigeresen India (PJII) dengan harga tidak melebihi Rs10.66. Selepas mendapat persetujuan PJII, kangani akan berkumpul di depot Avadi [Madras] dan Nagapatnam. Dari depot tersebut, mereka akan pergi dari satu kampung ke satu kampung untuk mencari buruh untuk bekerja di Pulau Pinang. Dua syarikat iaitu Binny and Company atau Messrs Madura telah menggunakan khidmat kangani untuk mendapatkan buruh walaupun sebelum ini, mereka telah menggunakan khidmat sistem indenture. Seramai 50,000 orang [1900] hingga 543,000 [1910] buruh telah dibawa masuk melalui sistem kangani terutama untuk meningkatkan pengeluaran getah. Kebanyakan buruh yang dibawa ke Pulau Pinang adalah etnik Tamil dan diikuti Telegu dari Andra Pradesh, Malayali, dari Selatan Malabar, Arcot utara, Tricinopoly, Tanjore, Salem dan Chingleput. Kebanyakan mereka adalah berkasta rendah seperti Adi –dravida, Pallas, Pariahs dan Chamars.³⁵

Kangani menanggung perbelanjaan perkapalan, makanan dan tempat tinggal buruh sehingga mereka bekerja di Pulau Pinang. Satu perjanjian antara buruh India yang masuk ke Pulau Pinang dibuat secara lisan untuk berkhidmat sehingga hutang tambang dapat dilunaskan. Oleh itu, buruh yang dibawa oleh kangani adalah murah berbanding dengan buruh dibawa di bawah sistem indenture.

Pada tahun 1907, undang-undang Tabung Imigeresen India digubal bagi menyelaraskan pelaksanaan sistem kangani agar tidak ada penyalahgunaan kuasa seperti, mengenakan bayaran tinggi terhadap buruh yang dibawa. Justeru, kangani yang dipilih oleh pengurus ladang diberi lesen PJII. Selepas mendapat lesen, Timbalan Penguasa Buruh di Pulau Pinang akan membuat penyemakan semula sebelum mendaftar. Antara perkara yang diperhatikan adalah gaji yang dijanjikan kepada buruh dan kebolehpercayaan kangani dalam menjalankan tugasnya. Dengan lesen tersebut, seorang kangani akan pergi ke India dan mendaftar lesennya di Madras atau Nagapatnam. Kangani akan mendapat elaun daripada ejen syarikat perladangan yang menggunakan khidmat mereka di Madras atau Nagapatnam sejurus lesen kangani didaftarkan.

Selepas tiga puluh tahun sistem kangani diamalkan, sistem ini kemudiannya mendapat bantahan daripada nasionalis India kerana dikatakan menipu buruh dengan gaji yang diperolehi adalah tinggi, hidup menjadi senang dan selesa.³⁶ Semasa kemelesetan ekonomi 1929-1932, bilangan buruh yang diperlukan semakin berkurangan akibat kerugian dalam pengeluaran getah dan kopi. Akhirnya pada tahun 1938, sistem kangani telah diharamkan.

Ada juga buruh yang tidak terikat di bawah sistem kangani atau kontrak dianggap buruh bebas mencari pekerjaan dan memilih kerja sendiri. Orang India yang datang secara bersendirian ke Pulau Pinang adalah untuk bemiaga secara kecil-kecilan. Kedatangan mereka disambut oleh saudara-mara yang telah menetap di Pulau Pinang dan membuat perniagaan berhampiran

dengan pelabuhan.

Pengaruh Sosio-Ekonomi

Pengaruh Sosial: Diskriminasi Kasta Di India

Masalah sistem kasta di India merupakan satu isu yang sangat serius. Di India, sistem ini menjadi amalan yang bermula dengan Avila' di mana kelahiran manusia dikaitkan dengan 'upanayana' iaitu kelahiran dua kali. Kebanyakan kaum India yang konservatif mempercayai manusia dilahirkan dalam pelbagai taraf. Walau pendapat golongan konservatif ini tidak terdapat dalam veda, namun kepentingan status golongan atas dijaga dengan pengamalan sistem kasta. Kasta dianggap satu 'vama' iaitu satu kewajiban yang ditentukan oleh tuhan untuk memberi penghormatan kepada golongan atasan dan orang India yang beragama Hindu perlu mengamalkannya.³⁷ Walaupun sistem kasta ini dianggap tidak adil dalam kalangan masyarakat India namun kepercayaan terhadap karma dan dharma menyebabkan mereka mengikuti hirarki kasta agama hindu iaitu Brahmin Kshatriyas, Vaishyas, Sundra, dan akhirnya golongan tidak boleh disentuh iaitu Adi-dravidas. Golongan daripada kasta tinggi seperti 'Brahmin', 'Kshatriyas', 'Sudras', 'Vellalan', 'Vaniyan', 'Koundan', 'Kallan' dan 'Ambalakaran' mendapat penghormatan untuk memiliki harta benda seperti rumah, tanah dan kemudahan asas seperti air dan elektrik, jalan raya dan berkenderaan.³⁸

Kajian faktor kedatangan imigran India oleh Michael Stenson semasa penjajahan British berdasarkan suku dan kasta dapat dijadikan asas rujukan untuk mengkaji mengenai orang India. Teori "racialism" dan "class-conscious" yang dikemukakan oleh Stenson, memberi penjelasan bahawa suku dan kasta orang India telah mewujudkan satu kelompok masyarakat India yang terasing, terbiar dan tidak ada kemajuan di kalangan orang India sama ada dalam sektor perladangan atau perniagaan berbanding kaum imigran yang lain. Penjelasan Stenson berdasarkan teori tersebut, menunjukkan kasta dianggap penting dalam kalangan buruh India di Pulau Pinang.³⁹

Sementara golongan buruh kasta bawahan seperti Paraiyan, Chakkiliyan kadang kala bukan sahaja bekerja dengan penghinaan di kampungnya sendiri malah juga di kampung yang berhampiran. Misalnya di Kerala, golongan kasta bawahan mengutip tahi lembu, mencuci pakaian orang dan makan makanan sembahyang orang mati [ini juga merupakan satu pekerjaan yang dianggap hina oleh orang India kasta tinggi].⁴⁰ Buruh kasta rendah misalnya di Malabar sehingga 1865 tidak dibenarkan memakai baju, kasut, menggunakan atap genting di atas rumah [di Malabar sehingga 1965] atau membina rumah dua tingkat. Dharma Kumar berkata:

*“... South India for instance , had from pre colonial times a sizeable number of farmers with holdings too large family labour; and often with upper-caste taboos against working with their hand, while there is ample evidence also of the existence of servile untouchable castes of field labourers like the Churumans of Malabar or the Tamil Paraiyans...”*⁴¹

Buruh India yang berkasta rendah tidak puas hati dengan sistem kasta. Semua pekerjaan dan titik peluh mereka tidak dihargai sebaliknya mereka dihina dengan memberi makanan lama yang telah dimasak dua atau tiga hari yang lalu, disuruh makan di luar rumah seperti pengemis. Makanan yang disentuh oleh mereka juga dianggap telah tercemar.⁴² Selain itu, mereka juga tidak mempunyai peluang untuk memiliki tanah atau barang mewah seperti emas atau kenderaan.

Generasi buruh kasta rendah cuba meningkatkan kedudukan sosioekonomi mereka dengan mengamalkan makanan sayur-sayuran dan mengelakkan diri daripada meminum minuman keras. Ada juga golongan kasta rendah cuba menyaingi kasta Brahmin dengan mengamalkan sistem sanskritisme.⁴³ Bagi golongan orang India kasta rendah yang tidak dapat mengatasi masalah penghinaan daripada golongan kasta tinggi mengambil kesempatan menganut agama kristian semasa disebar oleh orang British ketika menjajah India. Bagi golongan kasta rendah, agama Kristian lebih manfaat diri mereka kerana agama Kristian tidak terikat kepada sistem kasta seperti mana yang terdapat dalam agama Hindu. Dengan menganut agama tersebut, golongan India kasta rendah bebas dari penderitaan mental dan diskriminasi. Begitu juga dengan sesetengah golongan kasta rendah memeluk agama Islam dengan niat untuk eskaptisme. ...*“The large majority of the muslims in India were originally recruited to Islam from the intermediate and lower rungs of Hindu society wherein status was rigidly defined...”*⁴⁴. Hal ini tidak bermakna semua kaum India yang memeluk agama Islam adalah golongan kasta rendah. Ada golongan kasta tinggi juga memeluk agama Islam atau agama Kristian selepas mereka memahami lunas-lunas Islam dengan baik.

Bagi mengubah hidupan sosial dan ekonomi, buruh India mengambil kesempatan yang diberi oleh kerajaan British untuk bekerja di Tanah Melayu (Malaya). Sistem humanitarianisme yang diperkenalkan oleh pihak British berasaskan konsep keadilan dan kesamaan antara manusia menyakinkan lagi buruh India untuk mengubah taraf sosial mereka. Menjelang 1891 seramai 500,000 hingga 1,000,000 orang buruh pertanian seperti ‘padiyals’, ‘panniyals’, ‘muladas’ atau ‘adimanis’ terdapat di Madras.⁴⁵ Konflik sistem kasta dan sosial mengenai adat yang diamalkan di India menyebabkan mereka sanggup datang ke Malaya untuk bekerja di ladang-ladang dan tanah pertanian. Pihak British juga telah melaksanakan polisi anti-Brahmin selepas Perang Dunia Kedua supaya golongan kasta rendah mendapat pekerjaan dalam jawatan kerajaan

dan berkhidmat di luar negara agar kedudukan mereka menjadi tinggi atau mustahak di kalangan orang India.⁴⁶

Di Pulau Pinang, amalan kasta di kalangan orang India masih kekal begitu kukuh. Pada mulanya, salah satu sebab orang India berhijrah ke Pulau Pinang adalah untuk mengelakkan diri daripada masalah kasta, tetapi disebabkan orang India bekerja di sesuatu tempat berasal dari satu suku yang sama menyebabkan amalan kasta masih menjadi ikutan orang India. Kebanyakan buruh yang bekerja di ladang dikatakan adalah berkasta rendah manakala jawatan sebagai penyelia atau mandor dipegang oleh orang India kasta tinggi atau orang Ceylon.⁴⁷ Golongan kasta tinggi juga menjadi peniaga atau sami di kuil. Bilangan orang India kasta tinggi menjadi buruh adalah sedikit. Masalah sosial yang berlaku di India berlanjutan juga kepada orang India di Pulau Pinang berkaitan dengan isu perbezaan kasta bagi mendapatkan sesuatu pekerjaan. Diskriminasi kasta orang India Pulau Pinang walaupun tidak seteruk seperti di India namun sikap sedemikian menyebabkan perpecahan di kalangan orang India itu sendiri. Golongan kasta tinggi menjadi kaya sementara golongan kasta rendah mengekalkan sikap pesimistik dan hidup dalam kesengsaraan serta kerniskinan.⁴⁸

Pengaruh Ekonomi

Buruh India menghadapi pelbagai masalah ekonomi di negara mereka. Keadaan ekonomi yang kurang stabil semasa pemerintah British mendorong buruh India mengambil alternatif untuk berhijrah. Kebanyakan buruh India hendak berhijrah selepas mendapat tawaran daripada pihak British. Buruh India mendapati pendapatan mereka semakin kurang akibat hasil pertanian yang rendah. Pada awal abad ke 19, bencana alam telah merosakkan semua hasil pengeluaran ekonomi tradisional seperti padi dan pokok kapas. Keadaan ini menjejaskan pendapatan petani bagi membiayai perbelanjaan keluarga mereka. Akibatnya mereka terpaksa hidup dalam kemiskinan dan kebuluran.

Semasa penjajahan British di India, orang India terpaksa berkerja keras di sawah padi, kopi dan kelapa untuk menambahkan pendapatan mereka untuk membeli makanan bagi diri dan keluarga. Di samping itu mereka terpaksa membayar cukai kepada pihak British dalam bentuk hasil pengeluaran pertanian. Sebelum penjajahan British, hasil pengeluaran petani meningkat sebanyak 55,693 tan setahun tetapi selepas kehadiran British di India hasil pengeluaran pertanian menjadi kurang kepada 30,490 tan setahun kerana sebahagian pengeluaran hasil pertanian diambil penjajah British.⁴⁹ Pihak British memperkenalkan sistem tuan-tanah untuk mengawal pendapatan petani dan mengaut keuntungan.

Pihak British mendapatkan tanah-tanah subur daripada petani yang tidak berpendidikan untuk pertanian secara tipu helah dengan membawa kes

tanah tersebut ke mahkamah sivil. Tipu helah yang dibuat tuan tanah yang berurusan dengan syarikat British membolehkan pihak British memenangi kes di mahkamah dan mendapat tanah dengan mudah. Bagi petani yang tidak mahu menjual tanah, petani tersebut diberi janji manis bahawa mereka akan diberi kerja di tanah yang dijual dan hutang mereka akan dikurangkan. Walau bagaimanapun, bayaran yang dibuat untuk membeli tanah oleh pihak British tidak setimpal dengan harga semasa tanah tersebut.⁵⁰

Di India, pihak British membiarkan golongan tuan tanah mengamalkan sistem zamindari. Mereka diberi pencen dan hak mengutip cukai ke atas petani.⁵¹ Sistem zaminder disokong oleh tuan-tanah yang berurusan dengan Syarikat Hindia Timur kerana memperoleh keuntungan hasil penjualan tanah pertanian manakala petani di Bengal, Bihar, Madras Nagapatnam dan Uttar Pradesh ditindas membuat kerja lebih masa selama 12 jam.⁵² Tuan tanah juga mengenakan sewa yang tinggi bagi tanah yang dikerjakan secara sambilan. Kebanyakan petani di selatan India adalah miskin dengan pendapatan Rs. 2-4 sehari dan menjadi hamba sepanjang masa.⁵³

Selepas buruh India dibawa masuk ke Pulau Pinang, sikap suka merendah diri yang diamalkan di India dibawa bersama apabila mereka berhijrah. Buruh India mengikat kain putih di kepala, tidak memakai baju dan kasut semasa bekerja.⁵⁴ Apabila terjumpa zaminder di mana-mana, mereka akan turunkan kain vesti (sarung putih) dan kain yang dililit di kepala dan memberi salam "vanakam". Sikap merendah diri dan tidak yakin menyebabkan mereka mudah dimanipulasikan oleh penjajah untuk keuntungan sendiri.⁵⁵ Penderitaan dan penindasan yang dialami di India menyebabkan buruh India dan petani mencari alternatif lain untuk menambahkan pendapatan dengan berhijrah ke Malaya apabila British menawarkan peluang pekerjaan di rantau ini.

Walaupun kedatangan orang India selalu dikaitkan dengan pengeluaran getah di Tanah Melayu. Namun, di Batu Kawan, Sungai Bakap dan Nibong Tebal, keadaannya adalah berbeza.⁵⁶ Buruh India yang dibawa masuk ke Batu Kawan adalah untuk mengerjakan ladang kelapa dan tebu dengan dikawal oleh mandor atau seorang zaminder. Tanaman tebu dan kelapa dianggap sebagai tanaman komersil yang penting oleh pengusaha British kerana hasilnya dapat dieksport ke luar negeri.⁵⁷ Getah merupakan tanaman yang dikerjakan secara meluas di Seberang Perai Selatan pada tahun 1910 terutama di Batu Kawan.⁵⁸ Di Sungai Bakap, penanam pokok getah dilakukan secara kecil-kecilan. Selain hasil pokok getah, pengusaha British juga mengusahakan beberapa jenis pertanian lain seperti pinang, rempah, gambir, tebu, kelapa dan kopi di daerah ini.

Pada tahun 1830, pihak British mula mengusahakan ladang kelapa secara besar-besaran di kawasan Batu Kawan, Bukit Tambun dan Simpang Empat. Sebanyak 32, 306 pokok kelapa telah ditanam di kawasan seluas 133 ekar. Bagi mengusahakan ladang tersebut, British menggunakan buruh India untuk menanam, memetik, mengopek dan mengeringkan kelapa. Gaji yang

dibayar kepada buruh India yang bekerja di ladang kelapa adalah sangat rendah iaitu \$ 3.60 sebulan.⁵⁹ Bilangan buruh India ditambah sebanyak 100 orang setiap bulan untuk menampung jumlah pengeluaran kelapa terutama di Batu Kawan namun gaji yang diberi kepada buruh India adalah rendah. Terdapat buruh India yang dibawa masuk ke sektor perladangan kelapa tidak mempunyai kemahiran untuk menanam, memetik atau mengopek kelapa. Malah, ada juga buruh India yang tidak tahu memegang cangkol untuk menanam kelapa.⁶⁰

Pada tahun 1881 seramai 879 orang buruh India telah dibawa masuk ke Batu Kawan, Bukit Tambun dan estet di Nibong Tebal untuk bekerja di ladang kopi, tebu dan tembakau. Sementara itu, pada tahun 1886 seramai 2,748 buruh dibawa masuk. Tawaran juga dibuat oleh ejen di India kepada buruh India untuk bekerja di estet di Pulau Pinang.⁶¹ Semua pekerja ini tidak diberi tempat tinggal yang sesuai. Rumah yang disediakan adalah kecil dengan penghuni yang ramai. Hal ini menyebabkan terdapat buruh tidur di luar rumah atau di ladang.⁶²

Selepas tahun 1920, pengeluaran kelapa semakin kurang apabila pengeluaran gula mendapat permintaan tinggi di kalangan peniaga tempatan dan luar negara. Hal ini mengakibatkan pihak British menumpukan perhatian dalam pengeluaran gula.

Selain buruh India, peniaga India yang pernah berniaga di rantau Asia Tenggara juga telah datang ke Pulau Pinang untuk bemiaga. Mereka menjalankan import-eksport barangan tekstil dan barangan rempah keuntungan yang banyak. Ada juga peniaga membuat petempatan di Pulau Pinang dan menjalankan perniagaan di situ.⁶³ Mereka mengambil kesempatan untuk berniaga kecil-kecilan dan bemiaga barangan keperluan harian sيره, pinang dan barang sembahyang kepada buruh India yang bekerja di Pulau Pinang. Keuntungan dan pasaran tetap yang diperolehi oleh peniaga menyebabkan mereka menetap di Pulau Pinang dan menjadi penduduk di situ. Hal ini menunjukkan penempatan orang India di Pulau Pinang bukanlah sebagai buruh sahaja.⁶⁴

Kesimpulan

Walaupun buruh India bekerja di Pulau Pinang sebagai peladang dan tinggal jauh dari India namun penghijrahan buruh India ke Pulau Pinang sebelum tahun 1930 telah menunjukkan pengaruh sosial dan ekonomi dari India masih kuat dalam diri mereka. Amalan sistem kasta dan pekerjaan yang di India tidak banyak mengubah corak hidup buruh India di Pulau Pinang. Selepas British membuka Pulau Pinang, ramai buruh India dibawa masuk untuk bekerja di ladang kelapa, tebu dan getah. Walaupun buruh India datang untuk mencari pekerjaan, namun penderitaan yang dihadapi buruh India akibat ekonomi buruk dan penindasan yang dilakukan oleh golongan zaminder masih berlanjutan semasa mereka berada di Pulau Pinang. Sistem kasta yang diamalkan dalam

kalangan buruh India menjadi sempadan sosial yang membezakan status seseorang buruh India. Kemasukan buruh India Selatan dikawal oleh British dengan menggunakan sistem indenture dan kangani. Kedua-dua sistem tidak membawa apa-apa perubahan dalam hidup buruh India di Pulau Pinang kerana mereka terpaksa bekerja dengan gaji rendah tanpa menikmati kesenangan hidup. Kebajikan mereka tidak dijaga dan pendapatan buruh India sangat rendah. Penghijrahan buruh India telah menjadi satu platform pembentukan masyarakat majmuk semasa pemerintahan British. Walau apapun keadaan buruh India di Pulau Pinang, pihak British sahaja yang memperoleh keuntungan besar dari segi ekonomi.

Nota Akhir

1. Manuskrip Catatan Awal Pulau Pinang dan Sepintas Lalu, *Arkib Negeri Pulau Pinang*. Pulau Pinang mengikut legenda dikenali sebagai Pulau Ke Satu. Nama pulau ini telah diberikan oleh seorang ahli pelayar bernama *Ragam* yang berulang alik antara Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu semasa berdagang. *Ragam* ketika itu beragama Hindu.
2. Ibid., hlm. 2.
3. Surat Francis Light kepada Gabenor General India, 12hb. Sept 1786, SSR, 2, para. 162, lihat FWCP, bertarikh 13 Disember 1786.
4. Manuskrip Catatan Awal Pulau Pinang dan Sepintas Lalu, *Arkib Negeri Pulau Pinang*.
5. Ibid., hlm. 3.
6. Moorthy R. 2009, *The Evolution of the Chetty Community of Melaka*, Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies, Vol 36, pg 1-15, Universiti Kebangsaan Malaysia.
7. Mac Hobian, *The Seige and Capture of Malacca*, 1640 -1641, JMBRAS, XIV, I, 1936, para 50.
8. Laporan Komisioner Jutus Schoutens semasa lawatan ke Melaka, JMBRAS, XIV, I, 1936, para 11- 150.
9. Harrison.B, *Melaka Pada Abad ke 18*, Laporan Dua Gobemor Belanda, JMBRAS, XXVII, I, 1954, para 20-35.
10. Surat Setiusaha Kerajaan India kepada Setiusaha Kerajaan Madras, No 27 E, bertarikh 29hb. Januari 1883.
11. Paul H.Kratoska, *A Select List of Files in The Selangor Secretariat*, 1875- 1955, USM, 1984, hlm.10 -17.
12. Ibid., hlm.11.
13. Ibid., hlm.12.
14. McNair.J.F. & W.D.Bayliss, *Prisoners Their Own Wardens*, London, Constable,1899, hlm. 23-25.
15. McNair, J.F, *Correspondence Regarding India Immigration*, Note

- that Embodying The Principles On Which Emigration From India to The Straits Settlements Will Hereafter Be Conducted, Penang, 26th July, 1883.
16. Moorthy R. 2009, *The Evolution of the Chetty Community of Melaka*, Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies, Vol 36, pg 1-15, Universiti Kebangsaan Malaysia.
 17. McNair, J.F., 1899, hlm. 24.
 18. Labour Commission, 1890, Suggestions by Captain Menzel for The Improvement of The Recruiting System In India, para 1- 5, 2 December, 1890.
 19. McNair, J.F. 1899, hlm. 24.
 20. Norman Parmer, (1960), *Colonial Labor Policy and Administration*, New York, hlm. 19.
 21. Ibid, Labour Commission, 1890.
 22. Ibid., hlm. 4.
 23. Bonney.R, Kedah 1771 — 1821, The Search For Security And Independence: *The Offer Of Pulau Pinang*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974, hlm.52 -78.
 24. Del Tufo, M.V. (1949), *Maya: Report On The 1947*, Census of Population.
 25. Surat Francis Light kepada Gabenor Jeneral India, 12hb Sept 1786, SSR, 2, para. 162, lihat FWCP, bertarikh 13hb. Disember 1786.
 26. Ibid., hlm. 2.
 27. Kondapi C., (1951), *India Overseas*, 1838 -1949, New Dehli, hlm.10-25.
 28. Jackson.N, (1961) *Immigrant Labour And The Development of Malaya 1786 - 1920*, Government Press, Federation Malaya, hlm. 96.
 29. Temubual dengan S.E.Muniandy PJK, Pengerusi M.I.C., Cawangan Sg Getah, Kedah Darul Aman, di pejabatnya di alamat P.O Box 88, Sg. Petani, Kedah, pada 15 September 1998, jam 5 ptg.
 30. Dasamansa, God's Money.,*The Hindu Law of Tithing*, Himalaya Academy Concord, hal. 57-96: Yamas menekankan semua aspek berkaitan dengan naluri dan rohani manakala niyamas pula menekankan aspek kepercayaan terhadap agama Hindu iaitu kebajikan dan takdir.
 31. Report Of The Commissioners Of Enquiry Into The States Of Labour In The Straits Settlement And Protected Natives States, para 263- 279.
 32. Ibid. para 378 - 387.
 33. EP9 India Office. Ep 902 / 1912, para 369.
 34. Labour Dept. files 540/1954.
 35. Srinivasa Sastri (1937), *Report on the conditions of Indian Labour In Malaya*, 6th of February 1937, Proceedings of The Federal Council, hlm. 15.

36. Srinivasa. M. N, (1952), *The Caste System In India*, Clarendon Press Oxford, hlm. 265.
37. Census of India 1931, (1932) ,Vol XIV, Part 1, Madras, hlm. 87.
38. Stevenson, (1961), *H.N.C. Caste*, Encyclopedia Britannica, Vol IV, hlm. 973-982.
39. Census of India 1931.
40. Dharma Kumar, (1965), *Land and Caste In South India*, Chapter III, Cambridge, hlm. 145.
41. Stevenson., (1961), hlm. 974.
42. Sinkritisme adalah satu sistem baru bagi golongan kasta rendah dalam menentang atau mencontohi golongan Brahmin (kasta tinggi) dengan mengamalkan apa jua cara untuk dianggap mulia misalnya makan makanan sayur-sayuran, tidak minum dan membuat kerja mulia seperti membersihkan kuil.
43. Imtiaz Ahmad, (1973), *Caste and Social Stratification Among The Muslims*, Jawaharlal Nehru University, New Dehli, Manohar Book Service, Dehli, hal. XXIX intro.
44. Raju, A.S., (1941), *Economy Condition In Madras Presidensy*, Madras, hlm. 39.
45. Ramasamy.R, (1970), The Role of Caste In The Migration Of Indian Tamils To Malaya, Sarjana, Kuala Lumpur, hlm. 89 -104.
46. Labour Dept Files 540/1954, lihat juga, Leong Yee Fong, Labour And Trade Union Colonial Malaya: A Study Of The Socio-Economic And Political Bases Of The Malayan Labour 1930, hal. 23 — 38, Microfiche 4738, Perpustakaan USM.
47. Temubual dengan En. Mohan @ Murgiah, Pengerusi Kebajikan Persatuan India, Pulau Pinang, di pejabatnya di 765-C, Jalan Sultan Azlan Shah, Pulau Pinang pada 23 September 1998, jam: 3.30 petang.
48. Trimmer G.W. (1928), Penang Harbour Board, Singapore, hlm. 2-4, Mikrofilm 236.4, USM.
49. Sumiat Sarkar, (1989), *Modem India 1885 – 1947*, The Macmillan Press Ltd, hlm. 31.
50. Bhatia B.M.(1963), *Famines in India*, (London)., hlm. 156.
51. Bishop J.M. (1892), *India and Malaysia*, Cincinati, Cranstorand Curts, New York, Chapter IV, hal 57 - 62, Temubual dengan En. Kanaiah Muthusamy, 81 tahun, No I.C. 170828-71-5337, di rumahnya No 494, Jalan Tanah Liat, Bukit Mertajam pada 15 September 1998, jam 10 pagi, seorang tukang gunting, yang menceritakan tentang kehidupan datuk dan neneknya di India.
52. Kemiai Sandhu, (1969), *Indians in Malaya*, Cambridge University Press, hlm. 41.
53. Kumar D, (1965), *Land and Caste In South India*, Cambridge, England, hlm. 142.

54. Campbell George. (1852), *Modern India*, Bab 3, Cambgride, England, hlm. 87.
55. Batu Kawan adalah satu kawasan perladangan yang sangat penting dalam sejarah Pulau Pinang sejak kedatangan British. Tempat ini mempunyai keluasan 266.254 ekar yang berbukit-bakau dan sesuai untuk pelbagai tanaman seperti kelapa, tebu, pinang, getah dan kelapa sawit. Feri digunakan untuk melintasi Sungai Jejawi menerusi Bukit Tambun sebelum sampai ke Batu Kawan. Bukit Tambun dan Batu Kawan adalah dua tempat yang tidak dapat dipisahkan dari segi komunikasi dan pengangkutan kerana hasil pertanian dari Batu Kawan perlu dibawa melalui Bukit Tambun ke pelabuhan Seberang Perai.
56. James Low.(1836), *A Dissertation On the soil And Agriculture Of The British Settlement of Penang*, Singapore, hlm. 15.
57. Blastie.J., (1848), *A View On The State Of Agriculture In The British Possesion In the Straits of Malacca*, J.Ir.A. Vol II,: hlm. 139 – 151.
58. *Straits Settlement Gazette.*, (1879), hlm. 556.
59. Ibid., hlm. 961.
60. *Straits Settlements Labour Commission Report 1890*: para 288.
61. Ibid., hal. 12.
62. *Labour Commission*, 1890., hlm. 3.
63. Temubual dengan Encik Singaram PJK, Wakil Surat khabar Tamil Nesan (M) Sdn. Bhd, 67 tahun, di pejabatnya di No 18, Lorong Che Em, Off Leboh Pantai, 10200 Pulau Pinang, pada 23 Ogos 1998, jam 3 ptg.

Rujukan

- Bhatia B. M.1963. *Famines in India*. London.
- Blastie J., 1848. *A View On The State Of Agriculture In The British Possesion In the Straits of Malacca*, J.Ir.A. Vol II.
- Campbell George., 1852. *Modern India*. Cambgride. England.
- Census of India 1931*. 1932.,Vol XIV, Part 1. Madras.
- Dasamansa, 1898. *God's Money.: The Hindu Law of Tithing*, Himalaya Academy Concord.
- Del Tufo, M.V. 1949. *Maya : Report On The 1947. Census of Population*. EP9 India Office. Ep 902 / 1912.
- Han Gert. Hand Mills.C.W., (1958) *From Max Weber*. New York:, Oxford University Press.
- Harrison.B,1954, *Melaka Pada Abad ke 18*, Laporan Dua Gobemor Belanda, JMBRAS, XXVII, I .
- Imtiaz Ahmad, 1973. *Caste and Social Stratification Among The Muslims*, Jawaharlal Nehru University, New Dehli, Manohar Book Service,

Dehli.

- James Low, 1836. *A Dissertation On the soil And Agriculture Of The British Settlement of Penang*, Singapore.
- Kemial Sandhu, 1969. *Indians In Malaya*, Cambridge, University Press, England.
- Kondapi C, 1951. *India Overseas, 1838 -1949*, New Dehli.
- Kumar D, 1965. *Land and Caste In South India*, Cambridge, England.
- Labour And Trade Union Colonial Malaya, 1930. *A Study Of The Socio-Economic And Political Bases Of The Malayan Labour*, Cambridge.
- Labour Commission, 1890, *Suggestions by Captain Menzel for The Improvement of The Recruiting System In India*.
- Labour Dept Files 540/1954*.
- Laporan Komisioner Jutus Schoutens semasa lawatan ke Melaka*, 1936. JMBRAS XIV, I.
- MacHobian ,1936. *The Siige and Capture of Malacca, 1640 -1641*, JMBRAS, XIV, I .
- Manuskrip Catatan Awal Pulau Pinang dan Sepintas Lalu*, Arkib Negeri Pulau Pinang. Pulau Pinang: Catatan 6 April 2009.
- McNair. J.F.A, *Correspondence Regarding India Immigration, Note Embodying The Priciples On Which Emigration From India, to The Straits Settlements Will Hereafter Be Conducted*, Penang, 26 July 1883.
- McNair.J.F & W.D.Bayliss, 1899. *Prisoners Their Own Wardens*, Constable., London.
- Microfiche 4738*, Perpustakaan USM.
- Mohan@Murgiah. 23 September 1998. Temubual: Pengerusi Kebajikan Persatuan India, Pulau Pinang, di pejabatnya di 765 -C, Jalan Sultan Azlan Shah, Pulau Pinang pada 3.30 petang
- Moorthy R. 2009, *The Evolution of the Chetty Community of Melaka*, Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies, Vol 36, pg 1-15, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muniandy PJK S. E., 15 September 1998. Temubual: Pengerusi M.I.C., Cawangan Sg Getah, Kedah Darul Aman, di pejabatnya di alamat P.O Box 88, Sg. Petani, Kedah, pada 5 ptg.
- Paul H., 1984. *A Select List of Files in The Selangor Secretariat, 1875 — 1955*, USM.
- Raju, A.S., 1941. *Economy Condition In Madras Presidency*, Madras.
- Ramasamy, 1970. *The Role of Caste In The Migration Of Indian Tamils To Malaya*, Sarjana, Kuala Lumpur.
- Report Of The Commisioners Of Enquiry Into The States Of Labour In The Straits Settlement And Protected Natives States*, 1912.
- Sandhu, K S. 1979. *Indians in Malaya. Some Aspects of their Immigration and Settlement 1786-1957*, Cambridge University Press, Cambridge.
- Singaram PJK. 23 Ogos 1998. Temubual dengan, Wakil Surat khabar Tamil

- Nesan {M} Sdn. Bhd, 67 tahun, di pejabatnya di No 18, Lorong Che Em, Off Leboh Pantai, 10200 Pulau Pinang, pada jam 3 ptg.
- Srinivasa Sastri, 1937. *Report on the conditions of Indian Labour In Malaya*, 6 Feb 1937, Proceedings of The Federal Council.
- Srinivasa.M.N., 1952. *The Caste System In India*, Clarendon Press Oxford.
- Stenson, M, 1980. *Clas, Race and Colonialism in West Malaysia: The Indian Case*, University of Queensland Press, St Lucia.
- Stevenson, 1961. *H.N.C. Caste*, Encyclopedia Britannica, Vol IV.
- Straits Settlement Gazette*, 1879.
- Straits Settlements Labour Commission Report*. 1890.
- Sumit Sarkar, 1965. *Land Relation*. Delhi, University of Delhi.
- Surat Francis Light kepada Gabenor General India*. 12hb Sept 1786, SSR, 2 bertarikh 13 Disember 1786.
- Surat Setiusaha Kerajaan India kepada Setiusaha Kerajaan Madras*. No 27 E, bertarikh 29. 1. 1883.
- The Tamil Migration Cycle 1830 – 1950*, Christophe Z Guilmoto. 1993 (dicapai pada 19 Jun 2016; <http://tamilnation.co/diaspora/articles/guilmoto.htm>).
- Trimmer G.W., 1928. *Penanq Harbour Board*, Singapore. hlm. 2-4, Mikrofilm 236.4, USM.
- Waiz, S A (ed.), 1934, *Indians Abroad Directory 1934*, The Imperial India Citizen Association. Bombay.

Nota Biografi

Mohan a/l Rathakrishnan (rmohan@uum.edu.my) merupakan seorang pensyarah kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains (CAS), Universiti Utara Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang sejarah dan ekonomi serta Ijazah Kedoktoran dalam bidang e-pembelajaran dan rekabentuk pengajaran dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 2011. Beliau telah menulis banyak buku Pengajian Am dan rencana dalam media cetak tempatan sejak tahun 2005. Beliau juga telah membuat kajian mengenai buruh India di Pulau Pinang dari aspek ekonomi, sosial dan politik sama ada di negara asal India mahupun di Pulau Pinang.

* Kertas kerja ini telah diubah suai sebanyak 40 % daripada proceeding yang dihantar ke Persidangan Nasional Sejarah Melayu Kepulauan 2016 pada 11-12 Oktober 2016 di Universiti Pendidikan Sultan Idris.